

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Yang Kedua

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bawaha

Mesyuarat Agung Tahunan Amlnvestment Group Berhad (“Syarikat”) yang Kedua akan diadakan di Dewan AmBank Group, Tingkat 7, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 9 Ogos 2006 jam 10.30 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:

Perkara	Agenda	Resolusi di Borang Proksi
Sebagai Urusan Biasa		
1.	Untuk menerima Akaun-Akaun Teraudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2006 serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya.	(Resolusi No. 1)
2.	Untuk meluluskan dividen akhir sebanyak 8.5% tolak cukai bagi tahun berakhir 31 Mac 2006.	(Resolusi No. 2)
3.	Untuk meluluskan bayaran yuran para Pengarah bagi tahun berakhir 31 Mac 2006.	(Resolusi No. 3)
4.	Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat: <ul style="list-style-type: none"> (a) Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim (b) Y Bhg Dato' Izham Mahmud (c) En Cheah Tek Kuang 	(Resolusi No. 4) (Resolusi No. 5) (Resolusi No. 6)
5.	Untuk memilih semula Pengarah, Y Bhg Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow yang bersara menurut Artikel 97 Tataurusan Syarikat.	(Resolusi No. 7)
6.	Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young, Juruaudit yang akan bersara dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah bagi menentukan ganjaran mereka.	(Resolusi No. 8)
Sebagai Urusan Khas		
Untuk mempertimbangkan dan jika difikir sesuai, meluluskan resolusi yang berikut sebagai Resolusi Biasa:		
7.	Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 “BAHAWA tertakluk kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, di mana kelulusan tersebut diperlukan, para Pengarah adalah dengan ini diberikan kuasa sepenuhnya mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham dalam modal Syarikat, pada bila-bila masa di bawah syarat-syarat dan bagi tujuan-tujuan tersebut seperti mananya mengikut pertimbangan yang dianggap layak oleh Lembaga Pengarah, asalkan jumlah saham terkumpul yang akan diterbitkan menurut resolusi ini, tidak melebihi sepuluh peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara.”	(Resolusi No. 9)
8.	Untuk membincangkan lain-lain perkara yang mana notis sewajarnya telah pun diterima.	

Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen

DENGAN INI DIMAKLUMKAN
bahawa dividen akhir sebanyak 8.5% tolak cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006, jika diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang Kedua akan dibayar pada 1 September 2006 kepada pemegang-pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada 17 Ogos 2006.

Seseorang pendeposit hanya layak untuk hak sekiranya:

- a. Saham dipindah ke akaun sekuriti pendeposit sebelum 4.00 petang pada 17 Ogos 2006 bagi pindahan biasa; dan
- b. Saham dibeli di Bursa Malaysia Securities Bhd atas dasar kelayakan mengikut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Bhd.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**RAVINDRA KUMAR
THAMBIMUTHU**

(LS 0000902)

Setiausaha Syarikat Kumpulan

Kuala Lumpur
18 Julai 2006

Nota-nota

- (1) Seorang pemegang saham yang berhak hadir dan mengundi adalah berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi atau wakil yang diberi kuasa tidak semestinya seorang pemegang saham Syarikat. Di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965, jika seorang proksi bukan seorang pemegang saham, ia mestilah merupakan seorang peguam, seorang juruaudit syarikat bertauliah atau seorang yang mendapat kebenaran Pendaftar Syarikat dalam kes tertentu.
- (2) Seorang Nomini Sah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Simpanan Pusat) 1991, boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya di mana saham biasa Syarikat dikreditkan dalam akaun sekuriti tersebut. Seorang proksi yang dilantik haruslah pemilik benefisial saham dalam akaun sekuriti tersebut atau seorang sebagaimana tersebut di bawah Seksyen 149(1) Akta Syarikat, 1965.
- (3) Suratcara pelantikan proksi bagi individu mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa dan bagi sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi atau proksi-proksi mestilah disempurnakan di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa berbuat demikian.
- (4) Suratcara pelantikan proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur **tidak kurang daripada 48 jam** sebelum waktu Mesyuarat yang ditetapkan.
- (5) **Nota Penjelasan tentang Resolusi No. 9**
 - **Kuasa untuk Menerbitkan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**

Resolusi biasa no. 9, jika diluluskan, akan memberi para Pengarah Syarikat, daripada tarikh Mesyuarat Agung, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan sehingga jumlah terkumpul tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara, apabila perlu atau peluang perniagaan timbul dan dianggap akan memanfaatkan Syarikat oleh para Pengarah. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau dipelbagaikan di Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Pengarah-pengarah Yang Menawarkan Diri Untuk Dipilih Semula Di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Yang Kedua

Pengarah-pengarah yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 89 Tataurusan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut:

- Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim
- Y Bhg Dato' Izham Mahmud
- En Cheah Tek Kuang

Pengarah yang telah dilantik ke Lembaga sejak Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, akan bersara menurut Artikel 97 Tataurusan Syarikat dan menawarkan diri untuk dipilih semula adalah seperti berikut:

- Y Bhg Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow

Butir-butir mengenai keempat-empat Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih semula dibentangkan dalam profil masing-masing di Profil Para Pengarah dan pegangan sekuriti mereka di dalam Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dibentangkan dalam Struktur Pemegangan Saham di Laporan Tahunan ini.



Surat kepada Para Pemegang Saham

Kepada pemegang saham,

Prestasi kewangan
kami tepat
pada sasaran,
walaupun keadaan
pasaran sukar.

Tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2006 adalah tahun yang baik bagi Amlnvestment Group. Penyenaraian Amlnvestment Group pada 18 Mei 2005 menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha kami mengukuhkan kedudukan sebagai bank pelaburan yang unggul di Malaysia.

Kami juga telah melunaskan komitmen kami kepada pemegang-pemegang saham, mencapai keuntungan yang lebih walaupun pasaran penuh dengan cabaran, dan memperoleh bahagian pasaran yang bermakna untuk produk utama perbankan pelaburan dan pasaran dana.

Dalam tahun kewangan 2006, kami terus meletakkan Kumpulan atas jalan yang membawa kepada perkembangan masa hadapan dengan cara melabur dalam warga kami, infrastruktur dan kepelbagaian produk. Kini, Amlnvestment Group adalah satu organisasi yang dapat menggunakan kepakarannya yang luas, lagi mendalam untuk membantu pelanggan korporat dan institusi mencapai objektif mereka.

Prestasi Kewangan

Kenaikan kadar faedah, volum perdagangan yang lebih rendah, harga minyak yang lebih tinggi, risiko geopolitik yang semakin tinggi sering memberi kesan kepada

aktiviti pasaran modal. Walau bagaimanapun, AmlInvestment Group mencatat keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM247.3 juta, peningkatan sebanyak 22.5% melebihi tahun sebelumnya dan mengatasi unjuran keuntungan RM240.8 juta yang telah dinyatakan dalam prospektus tawaran awam permulaan, hasil daripada pendekatan yang berdisiplin dalam mengurus perbelanjaan, risiko dan modal.

Kami telah melaporkan pendapatan sebanyak RM1.1 bilion yang merupakan satu rekod baru. Jumlah ini adalah peningkatan 14.0% berbanding keputusan tahun lalu. Hasil daripada nisbah kos kepada pendapatan 32.9% dan pendapatan pelaburan dan perdagangan yang lebih tinggi, maka untung sebelum cukai telah melonjak kepada RM340.2 juta atau kenaikan 20.1%. Pulangan bersih pemegang ekuiti meningkat kepada 13.0%, satu perubahan ketara daripada 12.1% dalam tahun kewangan 2005. Pendapatan sesaham turut bertambah sebanyak 8.4% kepada 19.1 sen, menokok aset bersih sesaham kepada RM1.63.

Untung sebelum cukai AmMerchant Bank (AmMerchant) mencatat lonjakan sebanyak RM69.9 juta atau 29.1% kepada RM309.8 juta, hasil pertumbuhan yang berterusan dalam punca bon korporat dan aktiviti perdagangan perbendaharaan. Pertumbuhan ini mencukupi untuk mengimbangi sumbangan yang lebih rendah daripada perniagaan ekuiti yang mengalami suasana perdagangan yang sulit serta kelewatan urus niaga pelanggan akibat daripada keadaan pasaran ekuiti yang lembab untuk hampir keseluruhan tahun. Sehubungan ini, maka, AmSecurities telah melaporkan penguncupan ketara untung sebelum cukai kepada RM9.8 juta dalam tahun kewangan 2006, berbanding dengan RM43.9 juta tahun yang lalu.

Keutuhan yang dikenal pasti dalam kebanyakan kelas aset telah membolehkan Bahagian Pengurusan Dana mencatat kenaikan dalam untung sebelum cukai sebanyak RM3.1 juta kepada RM14.3 juta, dan menambah dengan ketara aset di bawah pengurusan sebanyak 47.8% kepada RM10.2 bilion.

Bayaran Dividen

Menurut komitmen kami untuk membayar sehingga 50.0% untung bersih Kumpulan sebagai dividen, maka Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak 8.5% ditolak cukai. Jika ditambahkan dengan dividen interim sebanyak 4.0% ditolak cukai yang telah dibayar pada 21 Disember 2005, maka jumlah pembayaran dividen bagi akaun-akaun tahun kewangan yang berakhir 31 Mac 2006 adalah sebanyak 12.5% ditolak cukai. Bagi Kumpulan, pembayaran berjumlah sebanyak RM118.8 juta atau 48.0% daripada untung bersih yang boleh diagihkan bagi tahun ini.

Prestasi Harga Saham

Meskipun keputusan bertambah baik, pencapaian-pencapaian kami belum dapat dibayangkan melalui prestasi harga saham yang dihimpit oleh sentimen pasaran yang menurun untuk hampir sepanjang tahun. Setahun sesudah penyenaraian pada hujung Mei 2006, nilai pasaran kami adalah RM2.2 bilion, meletakkan kedudukan kami sebagai syarikat ke-57 terbesar di Bursa Malaysia, dan satu-satunya bank pelaburan yang disenaraikan dalam bursa saham ini. Harga saham telah didagang di antara RM1.60 dan RM1.80 sesaham untuk hampir seluruh tahun. Akhir-akhir ini saham AIGB telah disertakan dalam indeks FTSE Bursa Malaysia Mid 70 yang baru.

Persekutuan yang Mencabar

Pada tahun 2005, ekonomi Malaysia telah tumbuh sebanyak 5.3% hasil daripada permintaan dalam negara yang dirangsangkan oleh prestasi eksport yang baik dan peningkatan penggunaan swasta. Sentimen pengguna adalah optimistik dan syarikat telah melaporkan pendapatan yang lebih baik berserta dengan inflasi dalam negara pada tahap terkawal. Oleh kerana demikian, Kerajaan telah meneruskan dasar monetari yang menyesuaikan untuk beberapa bulan pertama tahun kewangan kami.

Meskipun begitu, pasaran pelaburan telah dipengaruhi oleh ketidakpastian kronik dan kemudahubahan ketara akibat harga minyak yang semakin tinggi, kadar faedah global dan

ancaman peperangan dan terorisme telah terus mendominasi agenda dunia.

Perbezaan Ketara Pasaran Ekuiti dan Modal Hutang

Tahun lalu merupakan tahun yang sukar bagi pasaran ekuiti. Minat terhadap saham-saham adalah amat berkurangan untuk hampir keseluruhan tahun dan ianya membayangkan sentimen pasaran menurun di mana perdagangan Bursa Malaysia telah jatuh sebanyak 11.8% jika dibandingkan cara tahun atas tahun dengan jumlah nilai perdagangan tahun kewangan 2006. Hakikatnya, hampir keseluruhan aktiviti perdagangan dikendalikan dalam tempoh 3 bulan, Januari hingga Mac 2006 ketika pasaran ekuiti pulih. Sehubungan dengan volum perdagangan yang lebih rendah dalam segmen-segmen runcit dan institusi, maka pendapatan komisyen AmSecurities telah jatuh mendadak meskipun memegang bahagian pasaran pusing ganti sebanyak 8.0%.

Tatkala KLCI jatuh ke 858.8 mata pada bulan Jun 2005, nilai terbitan ekuiti baru dan penyenaraian amatlah tidak menggalakkan dan nilai terbitan baru dan penyenaraian baru jatuh sebanyak 10.3% daripada RM6.8 bilion pada tahun 2004 kepada RM6.1 bilion pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, kami telah memanfaatkan rekod prestasi unggul kami dan telah muncul sebagai peneraju tawaran awam awal membantu pelanggan kami mendapatkan RM2.4 bilion penyenaraian utama di Bursa Malaysia.

Walaupun pasaran ekuiti menghadapi kemudahubahan ketara, aktiviti penasihat, serta penyatuhan dan pengambilalihan terus utuh kerana banyak syarikat telah terus mengukuhkan kedudukan dan memberi tumpuan kepada aktiviti teras. Pada tahun 2005, Bank telah mengekalkan kedudukan di tangga pertama untuk urus niaga penyatuhan dan pengambilalihan yang disempurnakan, bertindak sebagai penasihat untuk urus niaga bernilai hampir RM11.0 bilion.

Ketidakpastian kadar faedah pula menjadi penggalak untuk terbitan bon korporat kerana ramai pelanggan kami mempercepatkan rancangan mereka mendapatkan pembiayaan agar dapat mengunci kadar faedah yang rendah bagi pembiayaan jangka panjang. Terbitan bon korporat baru dalam industri telah bertambah sebanyak 25.1% daripada RM28.6 bilion pada tahun 2004 kepada RM38.2 bilion pada tahun 2005. Hasil daripada usaha kami untuk membantu pelanggan, kami mencapai kos pembiayaan yang optimum, pasukan Pasaran Modal Hutang berjaya menyempurnakan 17 urus niaga dalam tempoh setahun, mendapatkan hampir RM13.8 bilion untuk pelanggan kami.

Ternyata ada satu trend yang serupa dalam pengumpulan dana dalam matawang asing. Banyak syarikat Malaysia mengambil kesempatan dengan kadar faedah US\$ yang berada pada tahap paling rendah dan penambahan nilai kadar pertukaran untuk mengumpul dana matawang asing.

Perubahan Berperaturan Perhebatkan Saingen

Perubahan dalam peringkat berperaturan telah perhebatkan saingen. Akibatnya kini terdapat pesaing asing di dalam industri pembrokeran saham, perbankan Islam dan pengurusan dana. Syarikat pembrokeran saham universal telah diberikan lebih banyak kelebihan dalam operasi mereka manakala peraturan pelaburan luar pesisir diberi kebebasan agar lebih banyak dana dilabur di luar pesisir.

Apabila diambil kira persekitaran yang mencabar dan saingen hebat maka kejayaan kami dalam tahun kewangan 2006 amatlah membanggakan.

Mengukuhkan Kunci Kira-kira Kami

Kami terus mengukuh dan membaiki kualiti kunci kira-kira kami. Dengan jumlah aset sebanyak RM20.2 bilion dan dana pemegang saham sebanyak RM2.2 bilion pada hujung Mac 2006, AmInvestment Group adalah kumpulan perbankan pelaburan yang terbesar di dalam negara dari sudut

jumlah aset. Kebanyakan aset terdiri daripada aset perpendaharaan, terutamanya sekuriti pendapatan tetap yang dipegang untuk tujuan pelaburan dan perdagangan. Jumlah pinjaman dan pendahuluan terus menurun kerana syarikat terbesar Malaysia terus mendapatkan pembiayaan untuk rancangan pengembangan mereka dari pasaran modal.

Jumlah pinjaman dan pendahuluan bersih sebanyak RM4.2 bilion menyumbangkan hanya 20.6% daripada jumlah aset Kumpulan, dan kualiti aset Kumpulan semakin baik. Pinjaman tak berbayar bersih menurun kepada 6.9% hasil usaha pemulihan pinjaman yang proaktif. Di samping itu kecukupan modal berwajaran risiko bertambah baik kepada 16.4%.

Kepimpinan dalam Pasaran Modal

Kami tidak abaikan prestasi baik. Penekanan kami di atas penyelidikan dan budaya inovasi telah sekali lagi membantu Kumpulan dalam memainkan peranan penting membangunkan industri dana pelaburan harta tanah, lantas mendapat anugerah tertinggi kerana menjadi peneroka dan pemain yang paling dominan sepanjang tahun dalam tahun 2005. Kumpulan telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan industri dana pelaburan harta tanah dan pelancaran dana yang didagangkan dalam bursa. Kumpulan telah berada di tangga teratas di dalam Jadual Liga Bloomberg untuk penyatuan dan pengambilalihan, setelah bertindak sebagai penasihat bagi urus niaga bernilai hampir RM11.2 bilion dalam tahun 2005.

Di dalam bidang pasaran modal hutang pula, Kumpulan telah menerima lima Anugerah Liga RAM daripada Rating Agency Malaysia (RAM) untuk kejayaan kami dalam Pasaran Korporat Sukuk dan kategori Pengurus Utama untuk urus niaga Islam dan konvensional berdasarkan jumlah urus niaga yang disempurnakan serta nilai terbitan. Kumpulan juga telah mendahului Jadual Liga 2005 Malaysian Rating Corporation mengikut jumlah terbitan dan berada di kedudukan tangga kedua berdasarkan nilai.



Tan Sri Dato' Azman Hashim (kiri) menerima anugerah "Merit Khas untuk Pengurus Utama Terbaik Malaysia 2004 (Pasaran Korporat Sukuk) Rating Agency Malaysia (RAM) daripada Timbalan Perdana Menteri, YB Datuk Seri Najib Abdul Razak (kanan).

Dalam tahun 2005, Kumpulan telah diberi anugerah "Rumah Bon Terbaik" daripada FinanceAsia dan "Rumah Bon Tempatan Terbaik" daripada Asiamoney. Tiga daripada urus niaga yang dimulakan oleh Kumpulan, iaitu Jimah Energy Ventures, sekuriti kediaman dijamin-gadai-janji Cagamas dan PG Municipal Assets Berhad, telah memenangi beberapa anugerah urus niaga tahunan daripada pelbagai penerbit.

Beberapa produk berstruktur yang baru telah dilancarkan pada tahun ini untuk memenuhi keperluan pelaburan pelanggan termasuk nota terakru, nota "inverse floater" dan nota "equity-linked", menyajikan pilihan baru untuk pelanggan yang canggih. Kumpulan juga telah diiktiraf sebagai satu daripada "Pengeluar Tempatan Terbaik untuk Produk Matawang Tempatan" di Malaysia untuk produk kadar faedah berstruktur melalui undian yang dikelolakan oleh Asiamoney. Kami juga telah melancarkan:

- ABF Exchange-Traded Fund, dana pertukaran-dagangan yang pertama di Malaysia;
- AmGlobal Properties Equity Fund, dana Malaysia yang pertama yang bersangkutan dengan ekuiti harta tanah global;
- AmOasis Global Islamic Equity, dana ekuiti Islam global yang pertama di Malaysia; dan
- PG Municipal Assets Bhd, bon perpendaharaan Islam Pihak Berkua Tempatan yang pertama di Malaysia.



Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan AmBank (kiri) menerima anugerah "Produk Kewangan Islam Yang Paling Inovatif" daripada Menteri Kewangan II, YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (kanan).

Kumpulan telah diberi banyak mandat daripada syarikat dalam negeri dan antarabangsa hasil daripada tumpuan khusus kepada pelanggan.



Pengarah Eksekutif UOA Asset Management, Encik David Khor (kiri) dan Tan Sri Dato' Azman Hashim, menunjukkan senaskah Prospektus UOA REIT.

Kumpulan akan terus memanfaatkan keupayaan kami yang sedia ada dalam perbankan pelaburan untuk memperkenalkan produk matawang asing, amanah saham yang inovatif, dana modal persendirian dan dana pelaburan harta tanah yang ada pendedahan kepada pasaran modal global untuk memenuhi keperluan sofistikated pelaburan pelanggan kami.

Pengekalan Momentum

Perniagaan perbankan pelaburan boleh dijejaskan oleh pelbagai faktor dan kejayaan berterusan ini akan ditentukan oleh kebolehan kami menduga dan bertindak ke atas cabaran sebegini. Kunci untuk mengekalkan keutuhan nilai jangka lama kepada pemegang saham di tahun akan datang, bermula dengan pembangunan asas, kelebihan kompetitif yang terus berkembang, memastikan pelaksanaan strategi yang cemerlang dan terus menumpukan kepentingan jangka lama dalam setiap keputusan.

Perkembangan kami adalah dipacu oleh pelanggan yang semakin ramai dengan keperluan yang meluas untuk pelbagai produk. Untuk terus mara ke hadapan, kami perlu mempertingkatkan kemampuan, menyajikan kepada pelanggan modal intelek yang terbaik, dan memperluaskan sumber yang sedia ada untuk membantu pelanggan mencapai objektif mereka. Hal ini memerlukan kami supaya terus memberi tumpuan kepada perkara pokok iaitu inovasi produk, mempelbagaikan pendapatan, pengurusan modal yang cermat dan berdisiplin mengurus kos.

Menambah Keupayaan

Kami akan terus melabur dalam warga kami dan infrastruktur, mengubah suai bahagian perniagaan dan membaiki cara kami bekerja seraya mengingati cabaran yang timbul akibat saiz yang semakin bertambah dan perniagaan yang semakin rumit. Budaya kami juga memberi galakan dan ganjaran kepada kakitangan yang tekun, kreatif dan berkerjasama dalam kumpulan ketika bertindak pantas kepada perubahan dalam keperluan pelanggan dan pasaran.

Kepelbagaian Pendapatan

Kepelbagaian pendapatan dan membangun satu aliran pendapatan yang berulang untuk kestabilan pendapatan merupakan suatu perkara yang penting. Dengan adanya AmPrivate Equity Sdn Bhd untuk menjalankan pelaburan ekuiti persendirian dan Am ARA REIT Managers Sdn Bhd untuk mengurus pelaburan harta tanah, pendapatan

yuran yang berulang akan bertambah dan kewujudan kami dalam gelanggang perbankan pelaburan serantau akan dipertingkatkan.

Kami akan terus bekerjasama dengan pelanggan runcit, korporat dan institusi untuk mencari cara baru dan lebih baik untuk menambah nilai dengan pasaran yang semakin berkembang, memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru yang dapat menambah kepada kepelbagaian rangkaian produk serta menyediakan penyelesaian pelaburan yang inovatif. Dengan kepakaran khusus pengurus dana, Kumpulan akan dapat mengembangkan rangkaian produk pelaburan supaya dapat menawarkan peluang pelaburan yang tidak wujud dalam pasaran bon dan ekuiti di Malaysia yang merangkumi semua bentuk, struktur harga, profil risiko/pulangan dan kelas aset.

Kami akan memanfaatkan keutuhan jenama Islam kami untuk mempertahankan kedudukan pasaran kami dalam masa yang sama mencari peluang untuk berkembang secara geografi untuk memperoleh kumpulan wang simpanan yang besar dalam aset berlandaskan Syariah.

Berkembang ke Serantau

Kumpulan juga melaksanakan strategi untuk meningkatkan tahap operasi serantau, terutamanya di Singapura dan Indonesia, demi memperkuuhkan kedudukan di dalam rantau ini. Kami sedang menyelesaikan perolehan baki 51.0% ekuiti dalam Fraser Securities Pte Ltd dan juga menambah pegangan ekuiti dalam PT AmCapital Indonesia daripada 83.0% kepada 99.0%.

Perkembangan ini akan memberi kelebihan kompetitif dari segi kemampuan untuk menasihat urus niaga silang-sempadan pelanggan kami.



Gabenor Bank Negara Malaysia YBhg Tan Sri Dato' Sri Zeti Akhtar Aziz melancarkan ABF Malaysia disaksikan oleh Tan Sri Dato' Azman Hashim (paling kiri), YABhg Tun Mohamed Dzaiddin bin Haji Abdullah, Pengurus, Bursa Malaysia (ketiga dari kiri) dan Encik Yusli bin Mohamed Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Malaysia (paling kanan).

Melangkah ke Hadapan

Setelah tiga dekad beroperasi bermula daripada 1976, kami telah mempelopori pasaran modal di Malaysia dengan mencapai rekod menjadi yang pertama dari segi pengenalan produk dan perkhidmatan. Kami yakin bahawa kami mampu terus meningkatkan prestasi kami, merealisasikan potensi sebenar kami sebagai suatu bank pelaburan yang lengkap dengan kedudukan dominan di dalam pasaran dalam negeri sambil meluaskan jangkauan untuk merealisasikan matlamat serantau.

Walaupun prospek jangka pendek bergantung kepada prestasi ekonomi Malaysia yang dijangka untuk mengekal lebih daripada 5.0% pertumbuhan KDNK dalam tahun 2006, pasaran kewangan dan modal terus mengalami kemudahanubah ketara dalam segi nilai dan volum perdagangan. Sehubung dengan ini, maka kami menjangka bahawa 12 bulan yang akan datang ini akan terus memberi cabaran hebat kepada industri perbankan pelaburan.

Meskipun begitu, selagi banyak inisiatif terus dijalankan dalam semua bidang perniagaan Kumpulan, maka peluang akan terus wujud dan potensi untuk perkembangan dalam pasaran modal masih terus memberangsangkan. Kami yakin kami mampu memanfaatkan pengetahuan pasaran kami yang luas serta rekod yang terbukti untuk mara ke hadapan dalam keadaan masa yang mencabar.

Sambil pelanggan berkembang mengikuti kitaran perniagaan mereka, Kumpulan akan terus memenuhi keperluan khusus pelanggan dengan produk dan perkhidmatan yang inovatif.

Setinggi Penghargaan

Kemajuan kami pada tahun yang lepas tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa kepercayaan dan perkongsian daripada pelanggan kami, komitmen, dedikasi dan integriti warga kami, bimbingan daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia Securities Berhad, dan yang paling penting sekali adalah sokongan jitu dan berterusan daripada Pemegang Saham kami.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi penghargaan yang ikhlas daripada saya kepada YBhg Prof Tan Sri Dato' Dr Rashdan Haji Baba yang telah bersara dalam tahun ini setelah berkhidmat sebagai Pengarah selama hampir satu dekad. Beliau telah menggunakan pengalaman dan kebijaksanaan untuk menyumbang kepada kemajuan Kumpulan.

Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan YBhg Dato' Larry Gan Nyap Liou ke dalam Lembaga Pengarah. Saya yakin pengalaman luas beliau dalam industri perundingan dan perakaunan akan mendatangkan manfaat kepada Kumpulan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kejayaan tahun ini. Dalam ketika kami menentukan hala tujuan masa akan datang, kami terus bersemangat menduga peluang dan cabaran yang akan datang serta optimistik akan prospek perkembangan kami.

Yang ikhlas,

Tan Sri Dato' Azman Hashim
Pengerusi Bukan-Eksekutif
Kuala Lumpur
30 Jun 2006